

20/08/1997

Pembinaan lebuh raya ke NRIA dikaji

Ahmad Che Doh

KEPALA BATAS, Selasa - Kerajaan Pulau Pinang sedang menjalankan kajian berhubung cadangan pembinaan lebuh raya menghubungkan Pulau Pinang ke lokasi Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) di Kuala Muda, Kedah.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi negeri, Datuk Dr Hilmi Yahaya, berkata kajian itu untuk mengenal pasti sama ada projek itu boleh disambungkan daripada Lebuhraya Utara Selatan atau Lebuhraya Persekutuan Butterworth/Alor Star.

Katanya, pembinaan jalan itu memerlukan kajian terperinci supaya ia memberi manfaat kepada kerajaan negeri dan penduduk di Pulau Pinang, Kedah dan beberapa negeri lain, termasuk Perak dan Perlis.

Di samping itu, katanya, kajian itu juga membabitkan cadangan kemungkinan menyediakan laluan khas melalui laut ke lapangan terbang itu.

"Kita terpaksa membina lebuh raya baru dan bermutu bagi memendekkan perjalanan dari Pulau Pinang ke NRIA kerana projek itu memberi manfaat kepada Pulau Pinang," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Hilmi berkata, walaupun lapangan terbang itu dibina di Kedah, ia berdekatan dengan sempadan Pulau Pinang dan penting kepada kedua-dua negeri berjiran.

Menurutnya, setakat ini kerajaan negeri belum menetapkan laluan bagi lebuh raya atau jambatan/terowong yang dicadangkan kerana ia memerlukan kajian menyeluruh dengan mengambil kira faktor kepentingannya kepada Pulau Pinang dan Kedah.

Beliau berkata, kerajaan negeri berpendapat projek lebuh raya ke lapangan terbang itu jika dihubungkan dengan Lebuhraya Utara Selatan boleh menjimatkan kos.

Sementara itu, beliau berkata, jalan utama ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas juga akan dibaik pulih selaras cadangan untuk mengekalkan lapangan terbang itu.

Menurutnya, walaupun jalan sedia ada ke lapangan terbang adalah memadai ia perlu dipertingkatkan untuk mampu menampung jumlah kenderaan yang bertambah.

Hilmi berkata penduduk Pulau Pinang perlu turut bangga dengan cadangan pembinaan NRIA di Kuala Muda kerana ia akan turut membabitkan Pulau Pinang.

"Kita menyambut baik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas tidak akan ditutup selagi pelabur di negeri ini memerlukan lapangan terbang itu untuk pengangkutan kargo udara," katanya.

(END)